

14/09/2003

BN tarik balik serta-merta penggantungan dua Adun MCA

Jamudin Idris; Misiah Taib

KUALA LUMPUR: Barisan Nasional (BN) menarik balik penggantungan dua anggota Dewan Undangan (Adun) MCA Pulau Pinang berkuat kuasa serta-merta, kata Perdana Menteri yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Penarikan balik penggantungan dua Adun MCA itu - Adun Datuk Keramat, Lim Boo Chang dan Adun Jawi, Tan Cheng Liang itu diterima BN dan turut dipersetujui Gerakan, katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi BN di sini, semalam.

Kedua-duanya digantung keahlian sejak 16 Disember tahun lalu setelah mengambil sikap berkecuali ketika BN menolak satu usul pembangkang di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang pada 21 November tahun lalu.

Dr Mahathir berkata, keputusan itu di dipersetujui sebulat suara oleh semua parti komponen BN termasuk Gerakan yang sebelum ini mengkritik MCA yang didakwa bertindak 'terlalu lembut' dalam menangani kes dua Adun terbabit.

"Dengan itu, kedua-dua Adun terbabit kini kembali menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) BN di Pulau Pinang," katanya.

Pada 10 Julai lalu, Mesyuarat Majlis Presiden MCA menarik balik penggantungan keahlian Tan dan Lim atas alasan hukuman penggantungan tujuh bulan adalah memadai, selain setelah mempertimbangkan rayuan penduduk di kawasan yang diwakili dua Adun terbabit.

Pada sidang DUN Pulau Pinang 21 November tahun lalu, Tan dan Lim mengambil sikap berkecuali daripada mengundi ke atas usul DAP bagi menangguhkan projek Jalan Lingkaran Luar Pulau Pinang (PORR) bernilai RM1.02 bilion sehingga siapnya projek Expressway Jelutong berharga RM400 juta.

Dr Mahathir berkata, mesyuarat semalam turut merakam penghargaan kepada bekas Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik yang meletak jawatan pada 23 Mei lalu, di atas sumbangannya sepanjang menerajui MCA dan mereka juga mengalu-alukan Datuk Seri Ong Ka Ting sebagai Presiden MCA yang baru.

Mengenai status Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS), mesyuarat itu, katanya, memutuskan akan menunggu dulu keputusan Pendaftar Pertubuhan (ROS) sebelum mengambil tindakan lanjut.

"Kita akan menunggu keputusan daripada ROS. Sebab itulah PBDS tidak hadir pada (mesyuarat) hari ini," katanya.

PBDS berpecah dua dengan satu kumpulan diketuai bekas Timbalan Presiden, Datuk Seri Daniel Tajem dan satu lagi diketuai bekas Ketua Penerangannya, Datuk Seri Dr James Jemut Masing yang juga Menteri Pembangunan Sosial dan Urbanisasi Sarawak, hingga krisis dalam parti itu terpaksa dirujuk kepada ROS.

BN sebelum ini memutuskan tidak akan menjemput PBDS menghadiri mesyuarat atau menyertai acara rasmi BN selagi masalah dalaman parti itu tidak diselesaikan dan hingga ROS membuat keputusan.

Pada 25 Jun lalu, Datuk Amar Leo Moggie yang menerajui parti itu sejak penubuhannya 20 tahun lalu, meletak jawatan dan timbalannya, Tajem mengambil alih jawatan itu mengikut perlembagaan parti.

Pada 11 Julai, kumpulan Tajem diumumkan sebagai pemenang semua jawatan dalam PBDS tanpa bertanding menjelang Perhimpunan Agung PBDS, apabila kumpulan pimpinan Masing diketepikan daripada proses pencalonan atas alasan cawangan yang menyokongnya dikatakan tidak berdaftar dengan ROS.

Namun, pada 24 Julai lalu, puak Masing melantiknya sebagai presiden sebagai alternatif kepada kumpulan yang dipimpin Tajem.

Dr Mahathir berkata, mesyuarat semalam turut membincangkan status bekas parti komponen BN, Parti Kebangsaan Sarawak (Snap) dan berpendapat parti itu perlu memohon semula untuk menyertai BN jika mahkamah memutuskan parti

itu masih sah.

"Hakikatnya Snap telah dikeluarkan daripada BN atas keputusan ROS sebelum ini (yang membatalkan pendaftarannya berikutan kegagalan pemimpinnya menyelesaikan krisis dalam parti).

"Jadi untuk Snap menyertai semula BN, kalau mahkamah memutuskan Snap adalah sah, mereka mestilah membuat permohonan baru kepada BN dan kita akan putuskan," katanya.

Perdana Menteri berkata, kedudukan Snap belum muktamad dan belum selesai kerana pihak mahkamah telah mengarah supaya ROS tidak melaksanakan keputusannya dulu dan BN memutuskan akan menunggu keputusan mahkamah mengenai status Snap.

Pada 5 November tahun lalu, ROS membatalkan pendaftaran Snap berikutan kegagalan pemimpin yang bertelagah menyelesaikan masalah dalam parti. Berikutan itu sebuah parti baru, Parti Demokratik Maju Sarawak (SPDP) ditubuhkan diterajui bekas Naib Presidennya, Datuk William Mawan Ikom. SPDP diterima secara ramsi sebagai anggota baru BN pada 7 Januari lalu.

Dalam masa sama, satu lagi kumpulan dalam Snap yang tidak menyertai SPDP telah membawa perkara itu ke mahkamah dan mahkamah kemudiannya menangguhkan keputusan ROS, sementara menunggu keputusan akhir perbicaraan kes permohonan pemimpin itu bagi kajian semula kehakiman terhadap keputusan membatalkan pendaftarannya.

Ditanya mengenai kekuatan BN dalam menghadapi pilihan raya umum akan datang berikutan krisis yang dialami beberapa parti komponennya, Dr Mahathir berkata, keadaan sudah bertambah baik sekarang dan kebanyakan masalah dalaman parti sudah diselesaikan parti komponen terbabit.

"Saya yakin semua masalah kecil yang lain di kalangan parti komponen akan dapat diselesaikan sebelum kita menghadapi pilihan raya.

"BN kini diterima baik oleh rakyat dan rakyat menghargai apa yang kita telah lakukan untuk negara ini. Saya yakin BN mempunyai peluang lebih baik pada pilihan raya umum akan datang berbanding pada 1999," katanya.